

## AMALAN KESELAMATAN PELAJAR DALAM BENGKEL KATERING

Mohd Erfy Ismail, Suhaizal Hashim, Mohd Fairuz Marian, Mohd Bekri Rahim, Faizal Amin  
Nur Yunus & Saiful Hadi Masran

Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

### Abstrak

*Dalam bidang Pendidikan Teknikal & Vokasional (PTV), proses pengajaran dan pembelajaran kebanyakannya menggunakan pembelajaran melalui kaedah amali atau dikenali juga sebagai "hands-on" di dalam bengkel atau makmal. Kepelbagaian peralatan yang semakin moden dan canggih memerlukan pengurusan keselamatan yang secukupnya kerana kerja amali yang dilakukan di dalam bengkel mudah terdedah kepada risiko berlakunya kemalangan sekiranya keselamatan diabaikan. Oleh itu, kajian ini dijalankan secara tinjauan bertujuan mengkaji sejauh mana persepsi, pengetahuan dan sikap pelajar-pelajar yang mengambil jurusan katering di Kolej Vokasional (KV) Muar mengenai amalan keselamatan di bengkel. Populasi dan sampel dalam kajian ini adalah 90 responden yang terdiri dari pelajar lelaki dan perempuan. Responden kajian ini adalah daripada pelajar tahun satu sehingga pelajar tahun empat dalam bidang katering yang terdiri daripada keseluruhan populasi kajian yang terlibat dalam melakukan kerja-kerja amali di dalam bengkel. Instrumen yang digunakan berbentuk borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat. Data yang diperolehi dikumpul dan dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for The Sosial Sciences) versi 21. Berdasarkan kajian rintis yang dilaksanakan, nilai kebolehpercayaan instrumen adalah 0.91 dan menunjukkan kebolehpercayaan instrumen berada pada tahap tinggi. Hasil kajian mendapati bahawa amalan keselamatan yang baik memberikan kesan dan pengaruh yang positif terhadap pengetahuan, sikap dan persepsi pelajar. Selain itu, kajian menunjukkan sikap yang mengamalkan budaya kerja yang selamat dan teratur mampu mewujudkan sikap yang berdisiplin dan bertanggungjawab.*

**Kata Kunci:** Persepsi, Pengetahuan, Sikap, Amalan Keselamatan, Katering

### Abstract

*In the field of Technical & Vocational Education Teaching (TVET), most of the teaching and learning processes were through practical methods or also known as "hands-on" at workshop or laboratory. The diversity of modern and sophisticated equipment requires an adequate of security management because the work done in the workshop is vulnerable to the risk of accidents if safety condition been ignored. Therefore, the survey was carried out on the perception, knowledge and attitude of catering programme students at Muar Vocational College (VC) on safety at the workshop. The population and sample in this study were 90 respondents consisting of male and female students. The respondents of this study were catering programme students from year one to fourth which involve the entire population of the study who conducting practical work in the workshop. The instrument used is in the form of questionnaire to get the information. The data obtained were collected and analyzed descriptively using SPSS (Statistical Package for The Social Sciences) version 21. Based on the pilot study, the reliability value of the instrument is 0.91 and it shows the reliability of the instrument is high. The findings show that good safety practices produce positive effects and influence on students' knowledge, attitudes and perceptions. Additionally, studies show that*

*the attitudes of practicing a safe and orderly work culture can create a disciplined and accountable attitude.*

**Keywords:** *Perception, Knowledge, Attitude, Safety Practice, Catering*

## **1.0 PENDAHULUAN**

Dalam perkembangan teknologi yang semakin membangun dan pesat, sesebuah negara perlu mempunyai pekerja yang berkemahiran dan mengetahui akan penggunaan peralatan dan mesin yang semakin moden. Justeru itu, pelajar pada masa kini 2011 merupakan generasi yang sangat penting dalam memainkan peranan dalam merealisasikan penggunaan teknologi yang semakin canggih ini. Menurut Jalil (2014), berdasarkan Program Transformasi Pendidikan Vokasional bermula pada 2013, sistem akademik di sekolah akan dikurangkan serta akan diubah dan penambahan amalan industri atau amali teknikal kepada pelajar akan dilaksanakan bagi mewujudkan seseorang individu yang berkemahiran dan berpengetahuan yang tinggi yang dapat melahirkan pekerja yang cekap dan berkualiti. Oleh itu, Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) merupakan satu bidang pendidikan di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran Malaysia yang menyediakan peluang pekerjaan yang luas bagi para pelajar untuk membangunkan potensi dan bakat mereka. PTV menawarkan program-program yang membolehkan mereka menceburi pelbagai bidang Teknikal dan Vokasional seperti bidang hospitaliti iaitu katering. Selain itu bidang elektrik dan elektronik, kimpalan, automatif, perniagaan juga ditawarkan. Menurut Alavi & Sail (2015), kebanyakan pelajar memilih untuk menyambung pelajarannya di bidang Teknikal dan Vokasional terutamanya di bidang hospitaliti atau lebih dikenali juga katering. Bidang hospitaliti adalah satu bidang yang membolehkan pelajar berpotensi menjadi separa profesional dan membolehkan mereka memasarkan diri mereka dalam sektor pekerjaan. Ini kerana dalam kursus ini ia lebih menfokuskan kepada pembelajaran dan pembelajaran melalui kaedah amali.

Pembelajaran melalui kaedah amali atau dikenali juga sebagai “hands-on” akan mempercepatkan proses pembelajaran yang berlangsung kerana pelajar itu sendiri yang akan menjalankan penyiasatan bagi memperoleh maklumat dengan melalui bahan yang sebenar (Winberg & Berg, 2007). Dengan ini, dapat dilihat, kebanyakan proses pembelajaran dan pengajaran PTV di Sekolah Menengah Teknik mahupun di Kolej Vokasional, majoritinya secara amali mempelajari pembelajaran dan pengajaran atau kemahiran semasa proses amali dijalankan di dalam kelas atau bengkel. Oleh yang demikian, setiap proses pembelajaran melalui kaedah amali yang dijalankan oleh pelajar akan menyebabkan mereka mudah terdedah kepada kemalangan dan keselamatan diri ketika mempelajari dan melakukan proses kerja amali (Flin, O'Connor & Crichton, 2008). Berdasarkan laporan Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (2016), satu daripada punca kemalangan yang berlaku adalah kecuaiannya manusia semasa melakukan kerja di bengkel.

Menurut Tran & Nyland (2013) aspek keselamatan dalam bidang katering, perlu diambil perhatian terutama ketika menjalani kerja amali di bengkel. Kemalangan yang kerap berlaku di bengkel dapat dielakkan jika para pelajar sentiasa mengamalkan dan mematuhi langkah-langkah keselamatan yang telah disediakan (Jaafar, Arifin, Aiyub, Razman & Ahmad, 2015). Sehubungan dengan itu, untuk melatih dan membentuk tenaga kerja yang diperlukan kearah negara perindustrian, maka pelajar perlu dilatih supaya mempunyai sikap kerja yang betul dan tekun (Yusof, 2014). Menurut Che Juhan Negara (2012), keselamatan bengkel adalah aspek yang perlu menjadi fokus utama di dalam melakukan kerja-kerja amali

ketika berada di dalam bengkel. Ia perlu dititikberatkan bukan sahaja ketika melakukan kerja-kerja amali malahan ia pada bila-bila masa sahaja ketika pelajar berada di dalam bengkel.

Oleh itu, pelajar hendaklah sentiasa peka dalam menjaga keselamatan diri tidak kira masa dan tempat pembelajaran kerana kemalangan mahupun musibah tidak kira masa dan tempat. Selain itu, pelajar juga harus mengamalkan sikap beringat sebelum kena dan sikap sayangi diri anda bagi menjaga keselamatan di bengkel.

## **2.0 LATAR BELAKANG MASALAH**

Pembelajaran dan pengajaran melalui kaedah amali di dalam bengkel catering, ia lebih menfokuskan kepada penggunaan makmal dan bengkel berbanding penggunaan bilik darjah (Malamud & Pop-Eleches, 2010). Menurut Ismail, & Talip (2010), bengkel dan makmal adalah tempat yang mempunyai pelbagai peralatan yang memerlukan kemahiran dan pengetahuan pelajar serta pengawasan pensyarah dalam menggunakan peralatan bagi mengelakkan berlakunya kemalangan yang tidak diingini dan melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung.

Berdasarkan kajian Aziz, Baruji, Abdullah, Him & Yusof (2015), kemalangan adalah peristiwa yang tidak dijangkakan dan tidak dirancang berlaku yang boleh mengakibatkan kecederaan fizikal kepada individu, kerosakkan harta benda, kemalangan nyaris, dan kerugian. Selain itu, kemalangan boleh berlaku disebabkan oleh susun atur atau pengurusan bengkel. Kenyataan ini di sokong oleh Ishak (2013), menyatakan kemalangan boleh berlaku akibat daripada kegagalan pengurusan susun atur di dalam makmal dan bengkel. Menurut Bakar & Zulpakar (2008), kemalangan yang melibatkan penggunaan peralatan akan berlaku sekiranya ia tidak dijaga dan diselenggarakan dengan sempurna dari semasa ke semasa. Tambahan pula, penyusunan barang-barang dan ruang sekeliling bengkel catering boleh menyebabkan kemalangan kerana ruang bengkel yang kecil dan komposisi pelajar yang ramai boleh menyebabkan kemalangan (Mills Jr, Eschenfelder & Rudd, 2009). Pengetahuan dalam menggunakan bengkel perlu ada pada setiap individu bagi tidak mengundang bahaya dan mendatangkan kerosakan pada alat dan mesin tersebut.

Berdasarkan kajian Cullen (2010), seseorang individu perlu mengetahui dan mengamalkan amalan keselamatan di dalam bengkel dengan mengamalkan konsep sebelum, semasa dan selepas menggunakan bengkel dan peralatan. Menurut Yusof (2014), amalan keselamatan adalah penting ketika melakukan kerja-kerja melalui kepekaan para pelajar yang mengamalkan dan mematuhi langkah-langkah keselamatan yang disediakan. Kebanyakan pelajar Teknikal dan Vokasional yang memasuki makmal dan bengkel tidak mempunyai persediaan yang awal dan rapi sebelum menjalankan sesuatu amali dalam proses pembelajaran mereka. Mereka terlalu yakin pada diri dari segi aspek keselamatan di bengkel semasa di bawah pengawasan guru atau juruteknik sehingga menyebabkan pelajar itu sendiri leka dan cuai untuk mempersiapkan diri dengan selengkapnya. Oleh itu, pengetahuan, sikap, dan kesedaran terhadap amalan keselamatan amat penting dalam memastikan keselamatan terjamin semasa kerja amali berlangsung.

Menurut Ozilgen (2011), menyatakan penyumbang utama kemalangan adalah sikap pelajar yang tidak berdisiplin. Sikap yang mementingkan diri dalam kerja amali di bengkel catering membuatkan kemalangan kecil berlaku seperti kecederaan ringan dan luka ringan. Mansor Wan Mahmood & Zakaria (2007) pula berpendapat bahawa sikap pelajar yang tidak mengambil peduli akan aspek kepentingan keselamatan akan mendedahkan seorang itu kepada risiko kemalangan. Menurut Che Juhan Negara (2012), pelajar perlu dilatih oleh

tenaga pengajar di sekolah agar mempunyai sikap kerja yang betul dan mempunyai nilai-nilai positif seperti berdisiplin, tekun dan dedikasi dalam diri mereka agar mereka mengamalkan keselamatan di dalam bengkel supaya kemalangan dapat dielakkan.

Menurut Ahamad (2015), pelajar yang mempunyai persepsi positif dalam diri mereka mengenai kemudahan belajar di sekolah, mereka akan mempengaruhi prestasi pelajar lain. Ini kerana persepsi pelajar dalam sesuatu perkara seperti keselamatan akan memberikan pandangan positif yang mampu mencerminkan pengaruh yang lebih baik dalam suasana amalan keselamatan dalam bengkel dan jika persepsi dalam keadaan sebaliknya ianya mampu memberikan impak amalan keselamatan yang negatif di dalam bengkel. Oleh itu, dalam daya usaha mengurangkan masalah ini, pengkaji melaksanakan kajian mengenai persepsi, tahap pengetahuan dan sikap pelajar terhadap amalan dan aspek keselamatan di bengkel dan makmal seterusnya, mencari langkah mencegah daripada berlakunya kemalangan dan mewujudkan suasana kerja yang selesa dan selamat kepada pengguna atau pelajar teknik dan vokasional.

Persoalan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Bagaimanakah persepsi pelajar mempengaruhi isu-isu keselamatan dalam bengkel katering?
- ii. Apakah tahap pengetahuan pelajar terhadap amalan keselamatan semasa menjalankan proses penggunaan peralatan dan mesin di bengkel katering?
- iii. Adakah sikap pelajar mempengaruhi amalan keselamatan di bengkel katering?

### **3.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dijalankan secara tinjauan yang menggunakan kaedah kajian kuantitatif melalui soal selidik sebagai instrumen. Menurut Piaw (2006), kajian tinjauan adalah bersifat menyeluruh iaitu boleh mengulas isu dari pelbagai pandangan, cara pengendalian yang mudah, dapat mengumpul dan memungut data dengan cepat, bersesuaian dengan saiz sampel yang besar, maklumat yang diperolehi secara terus dan mampu membuat keputusan secara terkumpul.

Populasi dalam kajian ini adalah 90 responden yang terdiri dari pelajar lelaki dan perempuan. Responden kajian ini adalah daripada pelajar tahun 1 sehingga tahun 4 dalam bidang katering yang terdiri daripada keseluruhan populasi kajian yang terlibat dalam melakukan kerja-kerja amali di dalam bengkel. Penyelidik mendapatkan kesemua sampel daripada keseluruhan populasi.

Data yang diperolehi daripada soal selidik dikumpul dan dianalisis secara diskriptif menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for The Sosial Sciences) versi 21. Hasil analisis dapatan kajian akan ditunjukkan dalam bentuk jadual dan graf yang diperolehi daripada perisian SPSS iaitu min dan piawaian seragam. Berdasarkan analisis min pada tahap tinggi, sederhana dan rendah boleh diperlihatkan jawapan yang dikaji melalui nilai kiraan  $\text{Min} = \sum x/n$  berdasarkan jadual di bawah menunjukkan tahap analisis markah min (Konting, 2009).

Jadual 1: Tahap analisis markah min

Markah Min	Petanda Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

### 3.1 KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN

Bagi memastikan sesuatu soal selidik itu boleh digunapakai, kesahan haruslah dibuat terlebih dahulu. Kesahan borang selidik ini akan dilakukan oleh penyelidik di mana borang soal selidik ini akan diperiksa oleh pensyarah-pensyarah yang mempunyai pengalaman. Bagi kesahan bahasa, penyelidik memilih seorang pensyarah bahasa dari Fakulti Teknikal dan Vokasional bagi memeriksa kesahan bahasa manakala bagi kesahan kandungan pula, penyelidik memilih dua pakar iaitu satu dalam bidang catering dan satu dalam bidang keselamatan. Kebolehppercayaan instrumen adalah satu ukuran untuk menentukan ketekalan skor terhadap setiap item yang terdapat dalam borang soal selidik. Ini bagi mempertahankan kejituan instrumen soal selidik daripada mempunyai sebarang masalah dan data yang diperolehi tepat. Bagi melihat kebolehppercayaan soal selidik, penyelidik menjalankan kajian rintis untuk mendapatkan nilai Cronbach Alpha. Berdasarkan analisis yang telah dibuat, nilai Alpha Cronbach ialah 0.91 dan berada pada tahap tinggi Ghafar (2003).

### 4.0 ANALISIS DATA

Jadual 2 menunjukkan hasil responden yang terlibat dalam maklum balas soal selidik mengikut item yang diperolehi dan menunjukkan responden sangat bersetuju dengan item yang diberikan. Responden yang terlibat dalam memberikan jawapan kepada soal selidik bersetuju bahawa amalan keselamatan yang diamalkan semasa berada di bengkel catering akan diteruskan kepada persekitaran kerja yang sebenar.

Jadual 2: Skor min dan sisihan piawai bagi persepsi pelajar terhadap keselamatan di bengkel

Bil	Item – Item	Min	Sisihan Piawai
A1	Amalan keselamatan di dalam bengkel catering memberi sumbangan positif terhadap kehidupan seharian.	3.49	0.66
A2	Amalan keselamatan yang diterapkan melalui kelas amali di bengkel catering dapat diteruskan sehingga ke alam pekerjaan.	3.53	0.58
A3	Kerja amali lebih teratur apabila amalan keselamatan diutamakan dalam proses kerja di bengkel catering.	3.46	0.70
A4	Punca utama kemalangan di dalam bengkel catering ialah kecuaiian manusia.	3.42	0.53
A5	Peraturan keselamatan bengkel catering ialah perkara yang wajib diketahui oleh setiap pelajar.	3.44	0.67
A6	Semasa melakukan kerja amali di bengkel catering, keselamatan rakan-rakan adalah tanggungjawab bersama.	3.47	0.70

Jadual 3 menunjukkan hasil responden yang terlibat dalam maklum balas soal selidik mengikut item yang diperolehi dan menunjukkan responden sangat bersetuju dengan item yang diberikan. Responden yang terlibat dalam memberikan jawapan kepada soal selidik bersetuju bahawa peralatan perlu disimpan dengan teratur di tempat yang dikhaskan.

Jadual 3: Skor min dan sisihan piawai bagi pengetahuan pelajar terhadap keselamatan di bengkel katering

<b>Bil</b>	<b>Item – Item</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
<b>B1</b>	Saya tahu bahawa pencahayaan di dalam bengkel katering amat penting bagi memudahkan kerja amali.	3.42	0.68
<b>B2</b>	Saya tahu kaedah penggunaan peralatan dengan baik.	3.40	0.65
<b>B3</b>	Saya tahu bahawa peralatan perlu disimpan dengan teratur di tempat yang dikhaskan.	3.50	0.64
<b>B4</b>	Saya menekankan aspek keselamatan diri semasa berada di dalam bengkel katering.	3.40	0.71
<b>B5</b>	Saya mengetahui bahawa pemakaian barang perhiasan diri dilarang semasa melakukan kerja amali.	3.42	0.76
<b>B6</b>	Saya mengetahui peraturan keselamatan bengkel sebelum memasuki bengkel katering.	3.32	0.71

Jadual 4 menunjukkan hasil responden yang terlibat dalam maklum balas soal selidik mengikut item yang diperolehi dan menunjukkan responden sangat bersetuju dengan item yang diberikan. Responden yang terlibat dalam memberikan jawapan kepada soal selidik bersetuju bahawa pelajar akan memastikan peralatan dalam keadaan baik sebelum digunapakai agar selamat digunakan.

Jadual 4: Skor min dan sisihan piawai bagi sikap pelajar terhadap keselamatan di bengkel katering

<b>Bil</b>	<b>Item – Item</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
<b>C1</b>	Saya sentiasa membersihkan peralatan yang digunakan setelah selesai melakukan kerja amali.	3.33	0.75
<b>C2</b>	Saya akan memastikan peralatan dalam keadaan baik sebelum digunapakai agar selamat digunakan.	3.51	0.64
<b>C3</b>	Saya mematuhi peraturan yang ditetapkan sepanjang tempoh berada di dalam bengkel katering.	3.33	0.71
<b>C4</b>	Saya sentiasa menggunakan peralatan dengan cara yang betul.	3.37	0.71
<b>C5</b>	Saya akan memastikan bengkel katering sentiasa dalam keadaan bersih sebelum ditinggalkan.	3.49	0.65
<b>C6</b>	Saya meletakkan peralatan di tempat yang betul setelah menggunakannya.	3.44	0.63

## 5.0 PERBINCANGAN

Keselamatan diri semasa berada di dalam bengkel katering amat dititikberatkan bagi mengelakkan berlakunya sesuatu kemalangan berlaku. Kemalangan boleh dielakkan sekiranya seseorang pelajar itu mengamalkan keselamatan diri mahupun rakan-rakan, peralatan dan bengkel katering. Kenyataan ini di sokong oleh kajian Bahari (2006), yang mengatakan bahawa amalan keselamatan yang dilaksanakan dapat mengelakkan berlakunya sesuatu kemalangan, kecederaan, atau kerosakkan semasa proses amali dijalankan. Berpandukan pada analisis yang telah dijalankan untuk melihat sejauh mana persepsi pelajar terhadap isu-isu keselamatan dan terhadap amalan keselamatan di dalam bengkel katering, ianya telah dinilai dengan melalui konteks kepenggunaan amalan keselamatan pada kehidupan seseorang itu.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang ketara pada item-item di soal selidik yang berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap keselamatan di dalam bengkel katering. Berdasarkan soal selidik yang dianalisis, menunjukkan persepsi pelajar terhadap amalan keselamatan mampu memberikan sumbangan yang positif kepada kehidupan (Che Juhan Negara, 2012, Yusof 2014). Menurut Ahamd (2015), persepsi terhadap konteks amalan keselamatan bengkel, pengetahuan dan sikap yang dimiliki oleh pelajar haruslah disertakan dengan pengamalan ilmu dan etika yang positif. Oleh itu, jelaslah bahawa persepsi yang positif atau pelaksanaan kerja yang selamat, sedikit sebanyak menimbulkan dorongan yang baik dalam diri pelajar tersebut untuk lebih berprestasi dan cemerlang dalam bidang yang diceburinya.

Seterusnya, proses kerja amali yang lebih teratur dalam pelaksanaan kerja di bengkel katering juga mampu membina persepsi yang baik dalam amalan keselamatan dengan melalui pengamalan seseorang itu. Berdasarkan kajian Bakar (2012) dan Yusof (2014) apabila sesuatu amalan keselamatan dapat dipupuk dalam diri pelajar ianya akan menjadikan keselamatan di dalam bengkel katering menjadi keutamaan dan kerja-kerja amali berjalan dengan lancar malah ia juga dapat diteruskan sehingga ke alam pekerjaan.

Selain itu, sikap yang baik dan beretika dalam pelaksanaan kerja di bengkel katering mampu membina persepsi yang baik dalam amalan keselamatan dengan mengamalkan peraturan keselamatan bengkel katering. Kajian ini sejajar dengan kajian Saher (2015) yang mengatakan pengamalan peraturan di dalam bengkel katering adalah tanggungjawab setiap orang yang berada di bengkel katering. Dengan mematuhi peraturan di dalam bengkel, segala risiko yang melibatkan kemalangan dapat dihindari. Ini kerana penyebab utama kemalangan yang berlaku adalah sikap dan kecuaiannya seseorang itu. Menurut Yusof (2014), kemalangan yang belaku adalah disebabkan oleh sikap cuai dalam menjaga keselamatan diri dan rakan-rakan. Rakan-rakan adalah tanggungjawab bersama kerana rakan adalah orang yang berada bersama di dalam bengkel katering.

Oleh itu, dapat dilihat pengalaman amalan keselamatan yang pelajar perolehi daripada kerja amali atau berkerja di industri dapat membentuk persepsi yang positif kepada pelajar dalam meningkatkan proses kerja mereka pada kehidupan masa akan datang dan dapat diteruskan sehingga ke alam pekerjaan serta dapat mewujudkan proses kerja yang selamat terutamanya di bengkel katering.

Kajian ini turut memperlihatkan tahap pengetahuan dan penguasaan pengetahuan pelajar terhadap amalan keselamatan di bengkel semasa kerja-kerja amali dijalankan. Setelah di analisis, ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan kaedah penggunaan dan penyimpanan peralatan secara betul adalah salah satu pengetahuan yang penting bagi memastikan peralatan tidak rosak. Ini menunjukkan pengguna peralatan perlu tahu akan peraturan keselamatan

dalam penggunaan peralatan sebelum menggunakannya. Hal ini sejajar dengan kajian Said & Zahari (2011) dan Yusof (2014), yang menunjukkan bahawa sebelum menggunakan peralatan di bengkel, pelajar seharusnya tahu dalam menggunakan peralatan dan cara mengendalikannya dengan baik. Ini kerana ianya akan mendatangkan masalah sekiranya kaedah penggunaannya tidak digunakan dengan betul.

Peralatan hendaklah dibersihkan dan disimpan dengan teratur di tempat yang sepatutnya selepas menggunakannya kerana menurut Said & Noor (2010) dan Saher (2015), peralatan perlu disimpan dengan betul bagi mengelakkan berlakunya kemalangan dan menampakkan bengkel katering kelihatan kemas malahan pula, penjagaan bengkel katering juga perlu diutamakan di mana selepas menggunakan bengkel, bengkel perlu dibersihkan bagi mengelakkan masalah kelak.

Dapatan kajian turut menunjukkan pengetahuan pelajar terhadap pengurusan bengkel katering dari segi pencahayaan, kebersihan dan keselamatan di dalam bengkel katering. Berdasarkan kajian Royo & Mahmood (2011), semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bengkel katering, pencahayaan memainkan peranan penting dalam kerja-kerja amali yang dijalankan ini kerana penggunaan cahaya akan memberikan kesan kepada kerja-kerja tersebut. Berdasarkan kajian Said & Zahari (2011) dan (28) Saher (2015), dalam sesebuah bengkel sistem pencahayaan, pengedaran udara dan suhu yang baik serta terhindar daripada segala yang mengganggu keselesaan pelajar semasa berada di dalam bengkel katering.

Justeru, kajian ini memperlihatkan pengetahuan pelajar terhadap keselamatan sebelum memasuki bengkel katering adalah penting. Sebelum memasuki bengkel katering pelajar seharusnya mempunyai pengetahuan keselamatan di dalam bengkel katering dengan secukupnya (Saher, 2015). Berdasarkan kajian Yusof (2014) dan Ishak (2013) pengetahuan keselamatan diri merangkumi pemakaian barang perhiasan iaitu pemakaian barang perhiasan adalah dilarang semasa berada di bengkel katering bagi mengelakkan bahaya kepada seseorang individu itu. Oleh itu, penjagaan keselamatan diri di dalam bengkel katering penting dan perlu diamalkan berterusan sehingga ke alam perkerjaan bagi menjamin keselamatan dengan terjamin.

Pengetahuan berkaitan dengan arahan pensyarah dalam memulakan sesuatu kerja amali adalah penting bagi seseorang pelajar dalam memastikan amalan keselamatan sentiasa diamalkan dan terjamin daripada bahaya semasa di bengkel katering ini kerana setiap kerja amali yang dilakukan di bengkel katering akan mudah terdedah kepada bahaya. Oleh yang demikian, arahan seorang pensyarah yang lebih pengetahuan dan berpengalaman penting bagi menyedarkan pelajar dalam mengamalkan dan mematuhi peraturan bengkel katering supaya tidak berlaku kemalangan semasa melakukan kerja-kerja amali di bengkel katering.

Sikap memainkan peranan yang penting dalam mengelakkan diri dari sebarang bahaya di bengkel katering. Menurut Selamat, Minghat & Buhari (2010), sikap pelajar yang mengambil berat tentang amalan keselamatan dan sikap peka terhadap tugas atau kerja boleh mengurangkan bahaya kepada diri dan juga rakan sebaya. Oleh itu, mereka dapat membentuk budaya kerja yang positif dan sentiasa menanamkan sikap mementingkan keselamatan dalam apa jua kerja yang dilakukan. Pelajar yang mempunyai sikap bertanggungjawab akan lebih giat dalam setiap aktivitinya seperti mematuhi peraturan bengkel katering yang telah ditetapkan (Royo & Mahmood, 2011). Oleh yang demikian, sikap yang positif pada semua aspek rohani mahupun jasmani yang mampu mengamalkan amalan keselamatan tidak kira masa dan tempat.

Daripada analisis kajian dapat dilihat juga sikap yang mengamalkan budaya kerja yang selamat dan teratur dapat mewujudkan sikap yang berdisiplin di mana pelajar



mengamalkan sikap membersihkan peralatan dan memastikan peralatan dalam keadaan baik sebelum dan selepas menggunakannya. Hal ini sejajar dengan kajian Ishak (2013) dan Said & Zahari (2011), yang mengatakan pelajar seharusnya mengetahui prosedur-prosedur peraturan penggunaan peralatan dan sentiasa berwaspada dalam mengendalikan dan penjagaan peralatan supaya peralatan tidak mudah rosak dan tidak membebankan pihak kolej untuk membelinya. Oleh itu, dapat dilihat sikap pelajar yang berdisiplin dalam penjagaan peralatan seperti pembersihan dan pembaikan selepas penggunaan dapat mewujudkan amalan keselamatan yang baik.

Selain itu, sikap pelajar yang bertanggungjawab akan mendorongkan seseorang pelajar itu mematuhi peraturan dan mengamalkan budaya kerja yang selamat. Berdasarkan kajian Royo & Mahmood (2011), pelajar yang mempunyai sikap tanggungjawab akan mematuhi peraturan keselamatan di bengkel katering dan akan mendapatkan kebenaran pensyarah dalam penggunaan peralatan bagi menjaga barang-barang di bengkel katering dengan baik dan dapat mengelak kemalangan dan kerosakkan peralatan. Oleh itu, sikap dalam mementingkan keselamatan diri dalam bengkel katering dapat mewujudkan pelajar sentiasa beringat tentang bahaya agar mereka tidak melakukan sikap negatif di bengkel katering agar kemalangan dapat dikurangkan.

## **6.0 KESIMPULAN**

Hasil kajian didapati bahawa persepsi, tahap pengetahuan dan sikap pelajar terhadap amalan keselamatan dalam bengkel katering berada pada tahap yang sederhana. Kesimpulannya, amalan keselamatan yang baik memberikan kesan dan pengaruh yang positif terhadap pengetahuan, sikap dan persepsi pelajar. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan sikap yang mengamalkan budaya kerja yang selamat dan teratur mampu mewujudkan sikap yang berdisiplin dan bertanggungjawab. Namun begitu, terdapat segelintir pelajar yang masih mengabaikan amalan keselamatan. Ini mungkin kerana pelajar kurang didedahkan tentang keselamatan di bengkel dan kurangnya dalam ilmu pengetahuan peraturan keselamatan di bengkel.

## **RUJUKAN**

- Alavi, K., & Sail, R. M. . (2015). Tahap Penerimaan Masyarakat Terhadap Latihan Kemahiran di Malaysia. (*The Level of Public Acceptance of Skills Training in Malaysia*) *Sains Sosial dan kemanusiaan*, e-Bangi, 10(1), 16.
- Aziz, A. A., Baruji, M. E., Abdullah, M. S., Him, N. F. N., & Yusof, N. M. (2015). An initial study on accident rate in the workplace through occupational safety and health management in sewerage services. *International Journal of Business and Social Science*, 6(2).
- Bahari, I. (2006). *Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan*, Mc Graw-Hill(Malaysia).
- Bakar, N. A. (2012). *Penguasaan amalan keselamatan bengkel di kalangan pelajar kursus Elektrik di salah sebuah kolej komuniti di Negeri Selangor* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Bakar, Z. B. A., & Zulpakar, K. A. B. M. (2008). *Amalan Keselamatan Bengkel Di Kalangan Pelajar-Pelajar Tingkatan 3 Aliran Kemahiran Hidup Semasa Melakukan Kerja-Kerja*

- Amali Di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti, Johor. Universiti Teknologi Malaysia.
- Che Juhan Negara, R. (2012). Tahap kesediaan pelajar kejuruteraan Politeknik terhadap keselamatan di dalam bengkel (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Cullen, F. (2010). Phenomenological views and analysis of culinary arts student attitudes to national and international internships: the “nature of being” before, during, and after international internship. *Journal of Culinary Science & Technology*, 8(2-3), 87-105.
- Flin, R. H., O'Connor, P., & Crichton, M. (2008). *Safety At the Sharp End: A Guide To Non-Technical Skills*. Ashgate Publishing.
- Ghafar, M. N. (2003). *Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ishak, S. H. (2013). Tinjauan terhadap amalan keselamatan dalam kalangan pelajar dan pensyarah di Makmal Kejuruteraan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Ismail, S., & Talip, F. A. . (2010). Kepuasan bekerja staf akademik Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 1-7.
- Jaafar, M. H., Arifin, K., Aiyub, K., Razman, M. R., & Ahmad, M. . (2015). A Review Of Occupational Safety And Health(OSH) Accidents and Contributing Factors In Construction Industry. *Journal of food, agriculture and environment*, 13(2), 238-244.
- Jalil, N. (2014). Kecenderungan pelajar cemerlang akademik terhadap pemilihan bidang PTV (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan. (2016). *Kemalangan di Sektor Perindustrian*.
- Konting, M. (2009). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala lumpur: Dewan bahasa dan pustaka.
- Malamud, O., & Pop-Eleches, C. . (2010). General Education Versus Vocational Training: Evidence From An Economy In Transition. *The review of economics and statistics*, 92(1), 43-60.
- Mansor Wan Mahmood, W., & Zakaria, R. . (2007). Profitability and capital structure of the property and construction sectors in Malaysia. *Pacific Rim Property Research Journal*, 13(1), 92-105.
- Mills Jr, R. J., Eschenfelder, M., & Rudd, D. P. . (2009). Curriculum Analysis and Development for Advanced Foods and Catering Operations: A Study of Facilities and Resources in an Undergraduate Hospitality Class. *Research in Higher Education Journal*, 2, 1.
- Ozilgen, S. (2011). Food safety education makes the difference: food safety perceptions, knowledge, attitudes and practices among Turkish university students. *Journal für Verbraucherschutz und Lebensmittelsicherheit*, 6(1), 25-34.
- Piaw, C. Y. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Kaedah Penyelidikan Buku 1*.
- Royo, M. A., & Mahmood, H. (2011). Faktor-faktor kelemahan yang mempengaruhi pencapaian cemerlang dalam mata pelajaran Reka Cipta. *Journal Of Education Psychology And Counseling*, 2, 145-174.
- Saher, M. N. (2015). Amalan pengurusan keselamatan Bengkel Kemahiran Hidup (KHB) sekolah menengah harian Daerah Batu Pahat (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Said, M. M., & Zahari, R. (2011). Kajian Aplikasi Ergonomik Terhadap Pelajar Ketika Melakukan Kerja-Kerja Amali Bengkel Di Kalangan pelajar-Pelajar 4 SPH PKPG

- Fakulti Pendidikan UTM. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Educational*, 3, 116-131.
- Said, M. R. M., & Noor, N. A. M. (2010). Amalan Kebersihan Makanan Dalam Kalangan Pengendali-Pengendali Kantin Di Sekolah Zon Skudai.
- Selamat, K., Minghat, A. D., & Buhari, N. . (2010). Tahap Kesiediaan Pelajar-Pelajar Kursus Binaan Bangunan Terhadap Keselamatan Di Dalam Bengkel: Satu Tinjauan Di Tiga Buah Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Johor.
- Tran, L. T., & Nyland, C. (2013). Competency-based training, global skills mobility and the teaching of international students in vocational education and training. *vocasional education & training*, 65(1), 143-157.
- Winberg, T. M., & Berg, C. A. R. . (2007). Students' Cognitive Focus During a Chemistry Laboratory Exercise: Effect Of a Computer-Simulated prelab. *Journal of Reseach In Science Teaching*, 44(8), 1108-1133.
- Yusof, M. K. (2014). Amalan Keselamatan Bengkel Dalam Kalangan Pelajar Kolej Vokasional Temerloh. (*Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*).